

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Kepentingan bekerja

Cuba renungkan petikan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW berikut mengenai kehidupan bekerja. Firman Allah SWT bermaksud, "Kami (Allah) menjadikan waktu siang itu untuk mengusahakan kehidupan" (surah an-Naba': ayat 11).

Dalam Surah al-Jumu'ah: ayat 10 pula Allah SWT berfirman bermaksud, "...maka bertebarlah di atas muka bumi, serta carilah rezeki daripada kurniaan Allah."

Berdasarkan ayat-ayat ini, Allah SWT menjadikan waktu siang sebagai masa bekerja dan berusaha mencari rezeki bertujuan meneruskan kehidupan bagi menyara diri dan keluarga masing-masing.

Selain itu, Allah SWT menyuruh manusia mencari rezeki yang dikurniakan-Nya dengan bekerja atau mengusahakan sesuatu di mana saja di atas muka bumi ini.

Rasulullah SAW pernah bersabda melalui dua hadis berikut: "Tidak ada orang yang memakan makanan yang paling baik melebihi apa yang diperolehnya daripada titik peluhnya sendiri. Sesungguhnya Nabi Daud memakan hasil titik peluhnya sendiri" (Riwayat Bukhari).

"Apabila ada antara kamu yang mendapatkan tali dan pergi mencari dan menang-

gung pulang seberkas kayu api dan menjualnya, dia telah menaikkan maruah-nya. Ini adalah lebih baik daripada meminta sedekah, sama ada orang memberinya atau tidak" (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Amat jelas bahawa Islam sangat menitikberatkan umatnya bekerja secara halal bagi keperluan diri, keluarga, masyarakat dan agama.

Dalam dunia moden yang serba mencabar ini kerjaya amat penting kepada setiap individu yang bergelar graduan. Kerjaya yang dilakukan pula mengikut tujuan masing-masing seperti minat, mencari kepuasan dan mencari sumber kewangan.

Ibu bapa pula berasa gembira dan syukur jika anak mereka mendapat pekerjaan yang baik. Hal ini

umpama 'benih baik yang ditanam telah menampakkan hasilnya'.

Kita sangat bertuah menjadi warga di bumi Malaysia yang pesat membangun dan bakal menjadi negara maju pada 2020.

Lantaran itu, pelbagai peluang kerjaya diwujudkan yang memerlukan modal insan dalam pelbagai sektor seperti perkhidmatan, perindustrian, pengangkutan, pembuatan, teknologi komunikasi dan maklumat serta pertanian.

Kerjaya

Beberapa sarjana di dalam dan di luar negara telah memberikan pendapat dan penjelasan masing-masing mengenai maksud kerjaya. Menurut Hall (1976), kerjaya ialah kerja yang berterusan berkaitan dengan pengalaman dan sikap yang berlaku

dalam kehidupan individu.

Mohd Fadzil (2001) pula mendefinisikan kerjaya sebagai kerja atau aktiviti untuk memenuhi keperluan psikologikal, ekonomikal dan sosiologikal individu dan ini direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya.

Super (1957) pula menegaskan bahawa kerjaya termasuklah perediaan sebelum seseorang itu melibatkan diri dalam bidang pekerjaan serta peranan-peranan lain yang dilakukan selepas seseorang itu bersara.

Berdasarkan definisi di atas, jelas bahawa kerjaya merupakan pekerjaan yang dilakukan oleh individu dalam kehidupan seharian-nya. Mereka bekerja untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan dan mendapatkan kesempurnaan hidup. Selain itu, kerjaya ini

ada pelbagai bentuk dari segi bidang tugas, tempat, masa serta identiti.

Pemilihan kerjaya

Sesetengah individu hanya mempunyai satu pekerjaan dalam hidupnya. Sementara itu individu lain mempunyai lebih daripada satu pekerjaan dan sering bertukar-tukar kerjaya sepanjang hayatnya.

Lazimnya, individu yang bertukar kerjaya disebabkan oleh beberapa faktor seperti meningkatkan kualiti hidup, memenuhi minat atau mencapai kepuasan.

Bagi Crites (1969) pemilihan kerjaya akan berlaku apabila individu menyatakan keinginan dan maksud untuk memasuki atau melibatkan diri dalam satu-satu bidang pekerjaan tertentu.

Tiga perkara perlu ada dalam pemilihan kerjaya:

- 1) Beberapa jenis pilihan. Mesti ada dua atau lebih pekerjaan sebagai pilihan dengan itu individu berpeluang untuk membuat pilihan kerja yang paling ideal untuk dirinya.
- 2) Insentif dalam membuat pilihan. Individu bermotivasi untuk membuat pilihan kerana adanya ganjaran seperti sumber

kewangan dan status dalam masyarakat.

- 3) Kebebasan memilih. Individu mestilah diberikan kebebasan untuk memilih pekerjaan yang bermakna bagi dirinya. Jika kebebasan memilih disekat individu tidak dapat melakukan pekerjaan yang paling ideal buat dirinya. Hal ini memberi implikasi yang besar kepada mutu kerja dan kepuasan peribadi individu.

Proses bekerja merupakan proses berterusan yang memerlukan individu melibatkan diri dalam satu siri pekerjaan yang boleh membantu kepada perkembangan peribadi terutamanya dalam bidang pekerjaan yang diceburi.

Penting untuk individu membuat pilihan kerjaya yang paling sesuai untuk dirinya bagi kepuasan hidup pada masa depan.

Kepuasan bekerja dikaitkan dengan beberapa perkara seperti penurunan kadar penyakit fizikal, peningkatan tahap kesihatan mental (Cohen 1984) melahirkan perasaan optimistik dan gembira, perasaan dipunyai atau dimiliki oleh kumpulan tertentu serta meningkatkan harga diri seseorang (Anerbach & Grambling 1998).